

04/09/1997

Ancaman Malaysia pulau mesyuarat tidak dihirau

BRUSSELS, Rabu - Suruhanjaya Eropah semalam, tidak mengendahkan ancaman Malaysia untuk memulaukan mesyuarat penting Eropah-Asia, berkata penyertaan Myanmar bukan isu bagi diputuskan sendirian oleh Asia.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad lewat kelmarin, berkata Asean mungkin memulaukan forum Mesyuarat Asia-Eropah (Asem) tahun depan jika Myanmar tidak dibenarkan menghadirinya.

Tiada anggota Asean lain membangkitkan kemungkinan pemulauan itu dan kerajaan Singapura berkata persoalan penyertaan Myanmar akan diputuskan oleh konsensus.

"Belum ada keputusan dibuat mengenai keanggotaan baru Asem II, yang akan diputuskan oleh konsensus. Sehingga keputusan dibuat, keanggotaan Asem II di London sama dengan Asem I di Bangkok," kata kenyataan Kementerian Hal Ehwal Luarnya.

Mesyuarat Asem di Bangkok pada Mac 1996 tidak termasuk Myanmar.

Myanmar dan Laos baru-baru ini diterima sebagai anggota baru Asean.

Asem kini dianggotai tujuh anggota asal Asean, selain Jepun, China, Korea Selatan dan 15 anggota Kesatuan Eropah (EU).

Penyertaan Myanmar dalam Asean tidak ada kaitan dengan forum lain, kata jurucakap Suruhanjaya Eropah, badan eksekutif EU. - Reuter

(END)